

Hijrah

Perjuangan Menuju Kebaikan

▣ **Aizan Ali@Mat Zin**

Pensyarah Kanan Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya


Kedatangan tahun baharu hijrah wajar disambut oleh umat Islam dengan penuh rasa syukur. Hijrah Rasulullah SAW bukan semata-mata melibatkan perpindahan dari satu tempat ke tempat yang lain, malah boleh dijadikan iktibar sebagai proses perubahan daripada satu keadaan kepada keadaan yang lebih baik. Peluang tersebut perlu diambil oleh umat Islam untuk terus melangkah mencipta kebaikan demi kebaikan buat seluruh alam.



Definisi hijrah

Hijrah merupakan kalimah pinjaman daripada bahasa Arab. Berdasarkan kamus *Mu'jam al-Wasit* juzuk kedua, hijrah merupakan kata terbitan daripada akar kata kerja tiga aksara, *hajara*, kemudian berubah kepada kata kerja empat aksara, *hajara, yuhajiru, hijratan* yang bermaksud meninggalkan negara. Maksud lain yang diberikan ialah tahun yang berdasarkan pergerakan bulan, iaitu Muharam, Safar, Rabiulawal, Rabiulakhir, Jamadilawal, Jamadilakhir, Rejab, Syaaban, Ramadan, Syawal, Zulkaedah dan Zulhijah.

Jika diteliti secara kuantitatif, kamus ini memaparkan definisi 30 pecahan kalimah daripada akar kata *hajara*, malah contoh daripada ayat al-Quran seperti *hajara* dalam *Surah al-Hasyr* ayat 9 dan *uhjuruhunna* dalam *Surah al-Nisa'* ayat 34 turut ditampilkan sebagai pengukuhan dalam penggunaan pecahan perkataan tersebut. Sebagai contoh, kalimah *muhajir* merupakan satu daripada pecahan kata dasar ini yang membawa maksud orang yang berpindah bersama-sama nabi atau kepada nabi. Hal ini menarik untuk dikaji oleh pencinta bahasa Arab amnya,



dan pengkaji sejarah dan tamadun Islam khususnya.

Di samping itu, kamus *al-Ma'any* (dalam talian) mengutarakan maksud hijrah dari sudut bahasa dan istilah. Dari sudut bahasa, hijrah bermaksud meninggalkan atau berpaling daripada sesuatu, manakala makna dari segi istilah fiqah bermaksud meninggalkan tanah air ke negara lain untuk menetap. Selain itu, istilah siasah (politik) membawa maksud perpindahan ke negara lain dan hidup di situ secara kekal. Secara komparatifnya, maksud kedua-dua istilah ini tidak

bercanggah antara satu sama lain.

Selain maksud hijrah dari sudut istilah, kamus tersebut turut memberikan maksud rangkai kata *al-hijrah al-nabawiyah* (hijrah nabi), iaitu Nabi Muhammad SAW keluar dari Makkah ke Madinah pada tahun 622 Masihi.

Maksud ini selari dengan kamus *A Dictionary of Modern Written Arabic* karya Hans Wehr yang mendefinisikan *al-hijrah* sebagai emigrasi Rasulullah SAW dari Makkah ke Madinah pada tahun 622 Masihi. Pada masa yang sama, *Kamus Dewan Perdana* mengutarakan maksud yang sama dengan Kamus *al-Ma'any* dan karya Hans Wehr, tetapi tidak memasukkan tarikh perpindahan Nabi Muhammad SAW dari Makkah ke Madinah.

Berdasarkan koleksi definisi tersebut, dapat disimpulkan bahawa hijrah secara umum bermaksud perpindahan, keluar, berpaling daripada seseorang atau sesuatu, meninggalkan, perpisahan, emigrasi dan imigrasi. Secara khusus pula, hijrah bermaksud perpindahan Nabi Muhammad SAW dari Makkah ke Madinah pada tahun 622 Masihi.

Sejarah takwim Islam

Pembentukan takwim Islam berkaitan rapat dengan ilmu astronomi Islam atau disebut juga falak syarii. Dari aspek bahasa, kedua-dua perkataan astronomi (kata pinjaman daripada bahasa Latin) dan

falak (kata pinjaman daripada bahasa Arab) mempunyai maksud yang sama, malah *Kamus Dewan Perdana* juga mendefinisikan astronomi sebagai ilmu falak (ilmu yang mengkaji tentang pergerakan, kedudukan cakerawala seperti bumi, bulan, matahari dan

bintang, dan terbahagi kepada tiga bidang utama, iaitu sains angkasa, ilmu falak dan astrologi). Definisi tersebut selari dengan satu daripada definisi falak yang diberikan oleh Ibn Manzur dalam

Hijrah ialah manifestasi jihad melawan hawa nafsu bagi perubahan kualiti hidup ke arah yang lebih cemerlang dan positif.

karyanya, *Lisan al-Arab*, iaitu peredaran bintang-bintang. Beliau membincangkan maksud falak secara panjang lebar dengan maksud yang pelbagai. Walau bagaimanapun, kamus *al-Mu'jam al-Wasit* mengutarakan maksud ilmu falak yang sedikit berbeza, iaitu ilmu yang mengkaji jirim di langit dan keadaannya.

Kehadiran perkataan Islam dan syarii pada perkataan "astronomi Islam" dan "falak syarii" bertujuan untuk membezakan ilmu aqli (ilmu yang terhasil daripada aktiviti penaakulan akal) yang dihasilkan oleh dunia Islam berasaskan sumber utama, iaitu al-Quran dan hadis, dan ajaran Islam untuk kegunaan masyarakat dan umat Islam di seluruh pelosok dunia. Ibn Khaldun, sejarawan dan bapa sosiologi Islam mengkategorikan ilmu falak sebagai ilmu aqli dalam karyanya yang tersohor,

Mukaddimah Ibn Khaldun. Beliau berpendapat bahawa ilmu ini boleh dicapai oleh pancaindera dan difikirkan oleh akal.

Lembaran sejarah Islam mencatatkan bahawa penghijrahan Rasulullah SAW menjadi titik mula pengiraan takwim Islam. Pembinaan takwim hijrah bermula pada zaman Umar al-Khattab r.a. Asas pengiraan mengambil kira pergerakan bulan mengelilingi matahari yang menyebabkan pertukaran waktu siang dan malam. Oleh itu, takwim itu juga disebut sebagai kalendar lunar atau Kamariah yang bermaksud bulan. Hal tersebut mengambil inspirasi daripada ayat al-Quran, antaranya termasuklah *Surah Yunus* ayat 5, *Surah al-Anbiya'* ayat 33, *Surah al-Baqarah* ayat 164,

Surah al-Rum ayat 46 dan *Surah Yasin* ayat 40. Misalnya, dalam *Surah Yunus* ayat 5, Allah SWT berfirman yang bermaksud, "Dia yang menjadikan pancaran matahari dan cahaya bulan serta tempat terbitnya supaya manusia tahu bilangan tahun dan kiraan masa."

Selanjutnya, dalam ayat 6 surah yang sama, Allah SWT menegaskan bahawa pertukaran malam dan siang memainkan peranan yang penting dalam penentuan undang-undang dan peraturan Allah di langit dan di bumi bagi hamba-Nya yang bertakwa. Tambahan pula, ayat al-Quran turut mengaitkan hukum dengan bulan dan hari seperti idah balu selama empat bulan 10 hari. Begitu juga permulaan Ramadan dan ibadat puasa yang merupakan rukun Islam yang ketiga, dengan kenampakan anak bulan menjelang waktu maghrib pada akhir bulan Syaaban. Deduksinya, ayat al-Quran yang menyebut tentang jirim di langit merupakan manifestasi hukum-hakam Allah SWT.

Refleksi diri secara berkala

Transformasi diri untuk berhijrah ke arah yang lebih baik hari demi hari akan terserlah jika seseorang bermuhasabah dan melakukan refleksi diri secara berkala, sama ada pada setiap hari, seminggu sekali, sebulan sekali, setiap enam bulan mahupun setahun sekali. Refleksi diri disusuli

dengan jalan penyelesaian dan strategi untuk langkah seterusnya. Kehadiran 1 Muharam menjadi sempadan pertambahan umur dan pengurangan peluang untuk melaksanakan perancangan yang dilakarkan dalam tempoh setahun.

Kegagalan melaksanakan lakaran perancangan bertukar menjadi lakaran kerugian masa sebagaimana firman Allah SWT dalam *Surah al-'Asr* yang bermaksud, "Demi masa, sesungguhnya manusia berada dalam kerugian; kecuali orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka saling berpesan dengan kebenaran serta kesabaran." Masa ibarat emas kerana amat berharga untuk dibuang atau disiasikan serta diabaikan tanpa amalan yang bermanfaat dan menyumbang untuk manfaat diri, keluarga, masyarakat, negara dan dunia. Yang paling menakutkan adalah apabila masa berlalu tanpa menunggu atau menghiraukan sesiapa. Tiada siapa-siapa dapat menghentikan detik yang berlalu. Firman Allah SWT yang bermaksud, "Bagi setiap ummah itu tempoh. Apabila sampai masanya, tidak akan dilewatkan atau diawalkan walaupun sesaat. (*Surah al-A'raf* 7:34).

Penting bagi setiap orang mengamalkan refleksi diri agar koreksi kualiti diri dapat dilaksanakan sejak usia muda. Masa muda perlu dimanfaatkan bagi melonjakkan pencapaian dengan usaha yang gigih, buah fikiran yang bernas dan tenaga yang banyak. Biarlah kita datang nampak muka, pergi nampak belakang, sesuai

dengan doa Nabi Muhammad SAW yang memohon husnul khatimah (pengakhiran yang baik) daripada Allah SWT. Jika Rasulullah SAW, insan kesayangan Allah SWT dan para malaikat di langit pun masih menadah tangan memohon kepada Yang Maha Kaya, kesombongan apakah yang menghalang umatnya untuk turut

merafakkan doa yang sama ke hadrat Allah SWT?

Hijrah ialah manifestasi jihad melawan hawa nafsu bagi perubahan kualiti hidup ke arah yang lebih cemerlang dan positif. Persoalannya, bagaimanakah kita boleh melaksanakan jihad tersebut? Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya.

Tip melangkah ke tahun baharu

Terdapat beberapa tip untuk direfleksi bagi menyerakkan pelangi usaha sebelum melangkah ke tahun baharu Maal Hijrah dengan lebih bergaya dan berjaya. Usaha tangga kejayaan. Tip tersebut terangkum dalam kalimah HIJRAH sebagaimana yang berikut.

H	Hisab amalan sebelum dihisab oleh Allah SWT di akhirat nanti amat penting bagi seorang Muslim dan perlu dilakukan segera. Hal tersebut merupakan elemen utama dalam muhasabah diri setiap individu sama ada dalam konteks sendiri mahupun organisasi.
I	Insaf dalam erti kata mengakui kelemahan dan kekurangan diri menjadi nadi penghijrahan diri ke arah yang lebih baik. Hijrah sukar dicapai jika hati masih sombong dan ujub, serta berasa diri tiada kelemahan dan kekurangan yang perlu dibaiki.
J	Jazam, iaitu memutuskan misi, visi, tujuan dan objektif terkini dalam merealisasikan matlamat yang ingin diraih pada tahun baharu.
R	Rangka perjalanan dan rancang gerak kerja seiring dengan misi, visi, tujuan dan objektif yang telah digariskan.
A	Apresiasi dengan menghargai setiap orang, ruang dan peluang yang hadir dalam hidup kita. Rezeki yang diperoleh wajib disyukuri dan dikongsi dengan ahli keluarga, jiran tetangga, sahabat handai, masyarakat dan negara dalam spektrum yang pelbagai seperti hadiah, hibah, sedekah dan zakat.
H	Husnuzan terhadap Allah SWT yang menciptakan manusia daripada segumpal darah dan juga sesama manusia yang berkongsi dunia dengan kita. Nadi bagi komunikasi dan perhubungan yang sihat ialah husnuzan. Husnuzan akan membenihkan aura positif, ketenangan hati serta kejernihan fikiran.

Lumrah kehidupan manusia diwarnai dengan kejayaan dan kegagalan, serta kebaikan dan keburukan tanpa prejudis. Ujian dan cabaran disambut dengan sulaman kesabaran serta semangat perjuangan bagi mengatasinya agar terus

kekal relevan dengan aspirasi negara, Malaysia MADANI. Oleh itu, spektrum hijrah masyarakat Malaysia MADANI dicantikkan dengan perjuangan yang tidak pernah putus asa dan sentiasa berkobar-kobar memperbaiki diri dan memilih

destinasi kebaikan dalam meniti kehidupan sehari-hari. Usaha jadikan keberadaan kita dalam rona yang masuk tidak genap, keluar tidak ganjil. Sebaliknya, jadilah seperti besi baik tiada berkarat, budi baik tidak dilupakan. 